

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]
TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)
SOALAN : Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan apakah peranan pihak Kementerian dalam membantu menjadikan industri ternakan unggas sebagai komersil dan eksport memandangkan di kawasan parlimen Masjid Tanah contohnya kebanyakan penternak unggas adalah penternak tradisional yang hanya mendapat tahap saradiri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan industri unggas di dalam negara terutamanya dalam menyampaikan pemindahan teknologi (TOT) kepada penternak unggas. Sebagai contoh, Institut Teknologi Unggas di kawasan parlimen Masjid Tanah telah dibangunkan khusus untuk memainkan peranan bagi melengkapkan ilmu penternakan unggas kepada penternak yang ingin mengadaptasi teknologi dan ilmu penternakan secara komersil. Ramai penternak yang telah dilatih untuk memahami kehendak penternakan secara komersil samada jurusan ayam (pedaging atau penelur), itik (pedaging atau penelur) dan puyuh (pedaging atau penelur).

DVS juga menggalakkan penternak untuk menyertai skim penternakan komersil secara perladangan kontrak dengan integrator yang sedia ada. Perladangan kontrak amat digalakkan bagi mengurangkan risiko projek kepada pengusaha di samping

berkongsi modal operasi di antara integrator dan pengusaha. Skim ini didapati dapat mengurangkan bebanan penternak dari menanggung hutang.

Selain itu, beberapa institusi pembiayaan seperti Agrobank dan TEKUN ada menyediakan dana pinjaman seperti program 3F dan keusahawanan kepada yang memerlukan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. MOA juga telah mempermudah capaian kepada dana ini dengan menyediakan sokongan melalui MoA Inc yang melaksanakan penilaian dan menyokong pelan perniagaan agar berdaya maju.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan data bancian oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), di kawasan Parlimen Masjid Tanah, terdapat 28 ladang unggas dimana 83% daripadanya adalah bertahap komersial iaitu berkapasiti melebihi 20,000 ekor. Ladang ternak yang lain walaupun kecil tetapi berkapasiti antara 8,000 ke 18,000 ekor dan tidak dikategorikan sebagai ladang tradisional dan telah mencapai tahap saradiri.